

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai Insurans Liabiliti Produk anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh:

1

Apa itu Insurans Liabiliti Produk?

Liabiliti Produk melindungi liabiliti anda dari segi undang-undang untuk membayar ganti rugi ke atas kecederaan atau kerosakan harta benda yang dialami oleh pihak ketiga disebabkan kecacatan produk yang dibekalkan, diagihkan atau yang dijual yang boleh timbul akibat kecuai semasa proses pengeluaran, rekaan, simpanan, bungkusan ataupun pemasaran.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran RM2,800.00 setahun, anda menerima perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
- Jumlah yang Anda perlu tanggung dari segi undang-undang untuk membayar sebagai pampasan akibat kecederaan atau kehilangan atau kerosakan harta benda pihak ketiga yang disebabkan oleh produk anda, yang berlaku di mana-mana dalam had kawasan. - Kos undang-undang dan lain-lain perbelanjaan yang anda perlu tanggung akibat tuntutan-tuntutan di atas.	- Jaminan produk; - Panggilan balik produk; - Kerosakan terhadap produk itu sendiri; - Denda, penalti, ganti rugi kecairan, ganti rugi punitif atau tuntutan teladan; atau - Kerugian kewangan tulen atau kerugian ekonomi.
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.	
Tempoh perlindungan adalah setahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Liabiliti Produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
<https://www.allianz.com.my/ProductLiability>



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
diatas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan Allianz. Untuk tujuan ilustrasi, andaikan pihak diinsurankan ialah pengilang makanan sejuk beku dengan perolehan jualan tahunan sebanyak RM10,000,000, untuk had indemniti RM1,000,000 mana-mana satu kejadian dan secara agregat, premium yang perlu dibayar adalah seperti berikut:- Untuk insurans polisi ini, anda mesti membayar premium:	
Perlindungan Asas	RM2,800.00
Di mana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada premium atau RM700.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM224.00
Duti Setem	RM10.00
* Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.	

4 Syarat Utama Lain

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak bagi kontrak insurans bukan pengguna (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Anda mesti memberi Allianz borang permohonan yang telah dilengkapkan, ditandatangani dan bertarikh untuk penilaian kami.
- Pertimbangan dalam pengunderaitan – untuk pengunderaitan, kami akan mengambil kira faktor-faktor termasuk tetapi tidak terhad kepada berikut:
 - Jenis produk
 - Dedahan risiko
 - Skop geografi dan kuasa perundangan
 - i) Ekspot tidak langsung – Seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat dan Kanada
 - ii) Ekspot Langsung – Seluruh dunia
 - Anggaran jualan tahunan berdasarkan produk dan negara pengimpor
 - Sejarah kerugian
 - Had Liabiliti
 - Pengurusan risiko
- Waranti Premium 60 hari – Premium perlu dibayar dan diterima oleh Allianz dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi. Jika tidak polisi ini akan terbatal secara automatik dan Allianz berhak menerima premium pro-rata 60 hari bagi tempoh Allianz menanggung risiko di bawah polisi ini.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada Allianz. Setelah pembatalan, anda layak menerima pulangan bayaran premium berdasarkan tempoh insurans belum tamat tertakluk kepada premium minimum kami. Tiada pulangan bayaran premium sekiranya tuntutan telah dibuat dibawah polisi.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).